



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 (17)

TARIKH: 15 Mac 2013

PERKARA : REKOD BUKTI PENCAPAIAN DAN PEMBANGUNAN PORTFOLIO BAGI PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA	
DARIPADA : TKP	SALINAN :
KEPADA : SEMUA PENGARAH ILJTM	1) Semua Pengarah Bahagian

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa isu berkenaan pembangunan portfolio bagi Persijilan Kemahiran Malaysia telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Periksaan dan Persijilan Bil 1/2013 yang diadakan pada 5 dan 6 Mac 2013.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan telah membuat ketetapan mengenai pembangunan portfolio bagi Persijilan Kemahiran Malaysia seperti berikut:

- 3.1 Portfolio dibangunkan untuk menyimpan bukti penilaian yang melibatkan NOSS bagi Persijilan kemahiran Malaysia sahaja;
- 3.2 Portfolio dibangunkan bagi semua tahap termasuk tahap yang tidak didaftarkan (Program Persijilan Tunggal);
- 3.3 Markah yang direkodkan di dalam borang Pendaftaran Dan Pengeluaran Sijil (JPK/P3(T1003)) hendaklah sama dengan markah pada bukti penilaian di dalam portfolio pelajar; dan
- 3.4 Kaedah penilaian yang dicatat dalam Rekod Penyampaian Kumulatif (RPK) hendaklah sama dengan bukti penilaian yang terdapat di dalam portfolio.

4. Bukti penilaian yang perlu direkodkan di dalam portfolio adalah merujuk kepada Panduan Persijilan Program Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang berkuatkuasa pada 15 Mac 2012 seperti lampiran A.


DIHANTAR	
CAW. KAWALAN TEKNIKAL	
<input type="radio"/>	E-MAIL
<input checked="" type="radio"/>	MAIL / COURIER
<input checked="" type="radio"/>	FAX
TARIKH 15 3 2013	

5. Disamping itu juga, portfolio bagi persijilan jabatan **tidak perlu dibangunkan**. Memandangkan silibus jabatan mempunyai nilai tambah, pemarkahan di dalam SPC.02 tidak boleh dirujuk sepenuhnya dengan bukti penilaian yang terdapat di dalam portfolio pelajar.

Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi'



(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)

b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

6.5.2 Peperiksaan Akhir akan dilaksanakan hanya pada akhir sesi latihan yang dipersetujui bersama JPK dan PB.

6.5.3 Bukti keterampilan :-

(a) Penilaian Teori

- i. Soalan penilaian teori secara ujian bertulis/lisan/kuiz atau yang bersesuaian; dan
- ii. Bukti keputusan penilaian dalam bentuk kertas jawapan/borang penilaian teori atau yang bersesuaian.

(b) Penilaian Praktikal

- i. Soalan penilaian praktikal secara pemerhatian/pembentangan/amali atau yang bersesuaian; dan
- ii. Bukti keputusan penilaian dalam bentuk senarai semak/borang penilaian praktikal/projek atau yang bersesuaian.

6.5.4 PB perlu memastikan soalan yang digubal sah, boleh dipercayai dan mencukupi keperluan SKK.

6.5.5 Kriteria soalan penilaian akhir adalah seperti berikut :

6.5.5.1 Memenuhi keperluan SKK; dan

6.5.5.2 Mencapai tahap kekompetenan yang diperlukan industri.

6.5.6 Verifikasi bukti keterampilan akan ditentukan oleh PP yang telah diperakukan oleh JPK.

6.5.7 Sistem Pemarkahan

PROGRAM	MARKAH (%)	
	SKK	Terampil
60-100		0-59